

09 JAN 1999

Ling-Teksi

LING GESA PENGUSAHA TEKSI DI PULAU PINANG PATUHI UNDANG-UNDANG

PULAU PINANG, 9 Jan (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini menggesa pengusaha teksi di negeri itu mematuhi peraturan pemakaian meter bagi menentukan kadar tambang penumpang yang dikuatkuasakan mulai 1 Jan lepas.

Penggunaan meter itu adalah undang-undang yang telah dikuatkuasakan dan perlu dipatuhi kerana jika tidak ia bererti mereka melanggar undang-undang, katanya.

"Sebenarnya apabila sesuatu undang-undang diperkenalkan, ia terlebih dahulu telah dikaji daripada pelbagai aspek kerana ia bertujuan untuk kebaikan rakyat", katanya kepada pemberita selepas melawat Kolej Tuanku Abdul Rahman di sini.

Dr Ling berkata demikian ketika mengulas tindakan 100 orang pengusaha teksi yang melancarkan mogok sebagai membantah tindakan kerajaan menguatkuasakan penggunaan meter di negeri itu mulai awal tahun ini.

Pengusaha terbabit dikatakan tidak berpuashati dengan kadar tambang mengikut meter kerana mendakwa tambang bagi perjalanan jarak jauh menjadi terlalu mahal dan terlalu murah bagi perjalanan jarak dekat.

Menurut Dr Ling kerajaan menguatkuasakan undang-undang bukan bertujuan menjejaskan peluang dan mata pencarian mereka tetapi sebaliknya bagi membantu rakyat.

Beliau bagaimanapun berkata ruang penyelesaian masih terbuka dan pengusaha teksi terbabit diminta berunding dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk mencari jalan penyelesaian.

Dr Ling turut mengucapkan tahniah kepada Datuk Dr Ibrahim Saad yang dilantik sebagai timbalannya dalam rombakan Kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir, semalam.

Dr Ibrahim berpengalaman luas dan pernah menjadi Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang sebelum berkhidmat di peringkat pusat sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, katanya.

"Saya percaya pengalamannya itu dapat digunakan sebaik mungkin di Kementerian yang baru kelak dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Datuk Wira Ali Rustam yang telah menabur khidmatnya dengan cemerlang di Kementerian itu," katanya.

-- BERNAMA

AA LAT PR